

# Beo4

## Leksikon butang tambahan

**NOTA!** "Butang" yang bertanda \* hanya diterima pakai bagi versi terdahulu alat kawalan jauh Beo4.

## A

**A.AUX (sumber tambahan audio)** Untuk menghidupkan apa-apa kelengkapan tambahan yang disambungkan kepada sistem audio Bang & Olufsen anda.

**ADD?** Muncul sebagai opsyen Beo4 *mod persediaan*. Membolehkan anda menambah "butang" tambahan kepada paparan Beo4. Akses *mod persediaan* Beo4 dan panggil **ADD?**, tekan GO dan mula mendedahkan "butang" yang anda boleh tambah – tekan GO untuk menambah "butang" yang sedang dipaparkan sebagai "butang" tambahan pertama apabila anda menekan LIST – atau tekan misalnya 3 untuk menempatkannya sebagai nombor 3 dalam senarai semua "butang" tambahan anda.

**A-DVD2 (A-V.TP2\*) (perakam video AV 2)** Untuk memilih AV dan kemudian DVD2 (V.TAPE2\*).

**A.MEM (A.TAPE\*) (perakam audio)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang A.MEM (A.TAPE\*) Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada perakam audio Bang & Olufsen anda.

**A.MEM2 (A.TAPE2\*) (perakam audio 2)** Untuk menghidupkan perakam audio kedua yang disambungkan kepada sistem audio Bang & Olufsen anda.

**A-N.MUS (muzik AV Net)** Untuk memilih AV dan kemudian N.MUSIC.

**A.OPT (opsyen audio)** Untuk memprogram persediaan sistem bagi sistem audio. Sila rujuk kepada **OPTION?** untuk keterangan lanjut.

**A.SETUP (persediaan audio)** Memberi akses kepada senarai "butang" tambahan yang diperlukan untuk pelarasan bunyi bagi sistem audio Bang & Olufsen tertentu, **A.SETUP** mesti ditambah untuk membolehkan »butang« yang berikut didedahkan bagi pelarasan bunyi:

**BASS** – memberi akses untuk melaras aras Bes bagi sistem audio.

**TREBLE** – memberi akses untuk melaras aras Treble bagi sistem audio.

**LOUDNSS (kelantangan)** – memberi akses untuk mengeset Kelantangan kepada Hidup atau Mati, sila rujuk **LOUDNSS** untuk maklumat lanjut.

**S.STORE (Simpan Bunyi)** – memberi akses untuk menyimpan pelarasan bunyi, sila lihat **S.STORE** untuk maklumat lanjut.

**A.TAPE\* (perakam pita audio)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang A.TAPE\* Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada perakam pita audio Bang & Olufsen anda.

**A.TAPE2\* (perakam pita audio 2)** Untuk menghidupkan perakam audio kedua yang disambungkan kepada sistem audio Bang & Olufsen anda.

**AUDIO?** Untuk memilih persediaan produk **Audio** bagi Beo4. Persediaan produk **AUDIO1** dan **AUDIO2** boleh didapati.

**AUDIO1** Untuk memilih persediaan produk **Audio** bagi Beo4. **AUDIO1** menyokong semua sistem audio Bang & Olufsen selain daripada BeoSound 9000.

**AUDIO2** Untuk memilih persediaan produk **Audio** bagi Beo4. **AUDIO2** menyokong BeoSound 9000.

**AV** Menunjukkan bahawa fungsi audio/video diaktifkan, memindahkan bunyi TV misalnya kepada pembesar suara yang disambungkan kepada sistem audio dan begitu juga sebaliknya. Ini hanya berkenaan jika sistem Video dan Audio anda saling berkait.

**AVANT** Menunjukkan persediaan produk **Video** Beo4 yang tertuju khas untuk BeoVision Avant.

**AVANTUS** Menunjukkan persediaan produk **Video** Beo4 yang tertuju khas untuk BeoVision Avant versi A.S.

**A-V.AUX (AV V.AUX)** Untuk memilih AV dan kemudian V.AUX.

**AV-N.RA (AV radio Net)** Untuk memilih AV dan kemudian N.RADIO.

**AV-PC (AV PC)** Untuk memilih AV dan kemudian PC.

**A-V.TP2\* (perakam pita video AV 2)** Untuk memilih AV dan kemudian V.TAPE2\*.

**AV5** Menunjukkan persediaan produk **Video** Beo4 yang tertuju khas untuk BeoCenter AV 5.

**AV9000** Menunjukkan persediaan produk **Video** Beo4 yang tertuju khas untuk BeoSystem AV 9000.

## B

**BASIC** Menunjukkan persediaan produk **Audio** Beo4 untuk semua sistem audio Bang & Olufsen selain daripada BeoSound 9000.

**BASS** Untuk pelarasan bunyi bagi aras bes dalam sistem Bang & Olufsen tertentu. Untuk mendapat akses kepada **BASS** anda mesti menambah sama ada **A.SETUP** atau **V.SETUP** mengikut kesesuaian. Jika anda mahu menyimpan pelarasan bunyi, sila rujuk **S.STORE (Simpan Bunyi)** untuk maklumat lanjut.

**BATTERY** Menunjukkan tiba masa untuk menukar bateri dalam alat kawalan jauh Beo4.

**BC1** Menunjukkan persediaan produk **Video**

Beo4 yang tertuju khas untuk BeoCenter 1.

**BS9000** Menunjukkan persediaan produk **Video**

Beo4 yang tertuju khas untuk BeoCenter 9000.

**BV1** Menunjukkan persediaan produk **Video**

Beo4 yang tertuju khas untuk BeoVision 1.

## C

**CAMERA (CAMCORD\*) (Kamkorder)** Untuk pemilihan input KamKorder pada sistem video Bang & Olufsen.

**CD (pemain cakera padat)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang CD Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada pemain CD Bang & Olufsen anda.

**CD2\* (pemain cakera padat 2)** Untuk menghidupkan pemain CD kedua dalam sistem audio Bang & Olufsen anda yang tertentu.

**CDV (pemain video cakera padat)** Untuk menghidupkan pemain video cakera padat yang disambungkan kepada sistem audio Bang & Olufsen anda.

**CLEAR** Untuk mengosongkan nombor rancangan pada set TV Bang & Olufsen terbaru. Untuk mendapat akses kepada **CLEAR, V.SETUP** mesti ditambah terlebih dahulu.

**CLOCK** Paparkan waktu pada produk Bang & Olufsen tertentu. Sila rujuk Panduan Pengguna yang sesuai bagi produk yang berkenaan untuk maklumat lanjut.

**CONFIG?** Membolehkan anda memprogramkan persediaan produk tertuju khas untuk Beo4. Anda boleh memilih persediaan produk bagi produk video dan audio.

**COUNTER (kedudukan pembilang)** Membolehkan anda mencari kedudukan pembilang yang khusus pada pita video Tekan LIST berulang kali untuk memaparkan **COUNTER** dan kemudian masukkan kedudukan pembilang yang sesuai menggunakan kekunci nombor.

## D

**DOORCAM\* (Kamera pintu)** Untuk Aplikasi khas Bang & Olufsen

**DTV (SAT\*) (TV Digital)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang DTV (SAT\*) Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan mengendalikan sumber TV digital Bang & Olufsen anda.

**DVD (cakera serba guna digital)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang DVD Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada pemain DVD anda.

**DVD2 (V.TAPE2\*) (pemain DVD atau perakam video kedua)** Untuk menghidupkan perakam video kedua yang disambungkan kepada sistem video Bang & Olufsen anda. Tekan GO untuk berbuat demikian.

**E**  
**EDIT** Digunakan untuk memainkan balik turutan praprogram runut CD pada BeoSound 9000.

**F**  
**FORMAT (format gambar)** Untuk mengoptimumkan format gambar pada sistem video skrin lebar Bang & Olufsen. Sila rujuk Panduan Pengguna yang sesuai bagi produk yang berkenaan untuk maklumat lanjut.

**I**  
**INDEX (Halaman indeks Teleteks)** Memanggil halaman indeks Teleteks (hlm.100). Tambah **INDEX** kepada senarai fungsi Beo4. Mengakses Teleteks dengan menekan TEXT dan tekan LIST berulang kali untuk memaparkan **INDEX** dan tekan GO untuk memanggil halaman tersebut.

**L**  
**LAMP (kawalan cahaya lampu)** Untuk menghidupkan lampu tertentu dalam persediaan cahaya anda – memerlukan pemasangan unit kawalan cahaya Bang & Olufsen. Tekan LIST untuk memaparkan **LAMP**, tambah “butang” jika ia belum tersedia, kemudian masukkan nombor yang sesuai untuk lampu (1 – 9).

**LARGE (Teleteks: Besar)** Digunakan pada TV Bang & Olufsen tertentu untuk membesarkan halaman Teleteks yang anda sedang tonton. Akses Teleteks, kemudian tekan LIST berulang kali untuk memaparkan **LARGE** dan tekan GO untuk membesarkan sebahagian daripada halaman tersebut. Tekan GO untuk membesarkan sebahagian lagi halaman tersebut dan tekan GO untuk mengembalikan halaman kepada saiz halaman Teleteks biasa.

**L-DVD2 (menghubungkan pemain DVD atau perakam video kedua)** Untuk memilih **LINK** dan kemudian **DVD2**.

**LIGHT (kawalan cahaya)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang LIGHT Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada kawalan cahaya Bang & Olufsen anda.

**LINK** Mesti digunakan apabila penggunaan butang LINK lazimnya dinyatakan. **LINK** mesti ditambah kepada Beo4 anda untuk mencapai perkara-perkara yang berikut:

1. Jika anda mahu penyahkod di bilik utama diakses dari bilik hubungan video, misalnya paparkan **LINK** dalam paparan Beo4 dan kemudian tekan TV untuk berbuat demikian.
2. Jika sumber yang sama tersedia di bilik hubungan dan bilik utama, misalnya jika akses dikehendaki dari bilik hubungan ke perakam video di bilik utama menggantikan perakam video di bilik hubungan, paparkan **LINK** dalam paparan Beo4 dan kemudian tekan VMEM (VTAPE\*) untuk berbuat demikian.
3. Jika produk bilik hubungan, misalnya BeoLab 3500, ditempatkan di bilik yang sama dengan produk bilik utama, misalnya Avant dan Ouverture (Opsyen 4).
4. Untuk persediaan keserasian, sebagai contoh sekiranya kit pembesar suara X-tra ditempatkan di bilik hubungan bersama-sama TV, atau, sekiranya kit X-tra TV ditempatkan di bilik hubungan bersama-sama TV Bang & Olufsen yang lama, misalnya TV LX2802. Untuk mengaktifkan apa-apa persediaan hubungan, paparkan **LINK** pada Beo4 dan kemudian tekan butang sumber yang sesuai – TV, RADIO, CD, AMEM (ATAPE\*), VMEM (VTAPE\*).

**LINK-AV (hubungan audio/video)** Digunakan untuk mendapatkan bunyi stereo daripada sistem video utama Bang & Olufsen anda di bilik hubungan dengan sumber video sekunder, biasanya TV. Fungsi ini berguna apabila penyahkod TV disambungkan kepada sistem video utama. Tambahkannya kepada senarai fungsi Beo4, tekan LIST untuk memaparkan **LINK-AV** dan kemudian tekan TV untuk berbuat demikian.

**L-N.MUS** Untuk memilih N.MUSIC dalam bilik hubungan.

**L-N.RA** Untuk memilih N.RADIO dalam bilik hubungan.

**L.OPT (opsyen hubungan)** Untuk memprogramkan persediaan sistem bagi produk bilik hubungan. Gunakan **L.OPT** untuk memprogramkan opsyen hubungan. Rujuk **OPTION?** untuk maklumat lanjut.

**LOUDNESS (kelantangan)** Untuk menghidupkan/mematikan fungsi kelantangan dalam sistem Bang & Olufsen tertentu. **LOUDNESS** hanya tersedia jika **A.SETUP** or **V.SETUP** telah ditambah. Fungsi kelantangan memampas kepekaan telinga manusia yang berkurangan terhadap aras bes dan treble yang tinggi dan rendah semasa mendengar aras bunyi yang rendah. Tekan LIST berulang kali untuk memaparkan **LOUDNESS** dan kemudian tekan GO berulang kali untuk menghidupkan/mematikan kelantangan. Jika anda mahu menyimpan pelarasan bunyi, sila rujuk **S.STORE (Simpan Bunyi)** untuk maklumat lanjut.

**L-PC (Hubungan PC)** Untuk memilih **LINK** dan kemudian **PC**.

**L-PHONO\* (hubungan PHONO)** Untuk memilih **LINK** dan kemudian **PHONO**.

**L-V.AUX (Hubungan V.AUX)** Digunakan dalam situasi tertentu untuk mengagihkan isyarat kotak set atas ke bilik hubungan.

**L-V.TP2\* (hubungan perakam pita video 2)** Untuk memilih **LINK** dan kemudian **V.TAPE2\***.

## M

**MIX (Teleteks: Campur)** Digunakan pada TV Bang & Olufsen tertentu untuk menindankan halaman Teleteks pada gambar TV. Akses Teleteks, tekan LIST berulang kali untuk memaparkan **MIX** dan kemudian tekan GO.

**MOVE?** Muncul sebagai opsyen Beo4 **mod persediaan**, Membolehkan anda menyusun semula tertib “butang” tambahan dalam paparan Beo4 Beo4. Akses mod persediaan Beo4 dan panggil **MOVE?**, tekan GO dan mula mendedahkan “butang” yang anda boleh pindah – tekan GO untuk memindahkan “butang” yang sedang dipaparkan sebagai “butang” tambahan pertama apabila anda menekan LIST – atau tekan misalnya 3 untuk menempatkannya sebagai nombor 3 dalam senarai semua “butang” tambahan anda.

**MX** Menunjukkan persediaan produk **Video** Beo4 yang tertuju khas untuk BeoVision MX. Persediaan produk MX juga harus digunakan untuk TV BeoVision MX versi yang lebih lama dan sistem video Bang & Olufsen lain yang lebih lama. Untuk menala dan mempraset sistem yang lebih lama sedemikian, mula-mula anda perlu menambah **V.SETUP**.

**N**

**NONE** Menunjukkan persediaan produk *Video* Beo4 **NONE**. Gunakan jika anda mahu memprogramkan Beo4 dengan persediaan produk *Audio* sahaja – tanpa memasukkan fungsi senarai *Video*.

**N.MUSIC (muzik Net)** Untuk memainkan runut muzik dalam format mp3 dan wma yang disimpan pada PC yang tersambung. Tekan GO untuk berbuat demikian. Sementara **N.MUSIC** dipaparkan, dan runut dimainkan, anda boleh menekan ▲ atau ▼ untuk melangkau runut; ⏪ atau ⏩ untuk menukar senarai main yang lain, dan STOP dan GO untuk menjeda atau menyambung semula main balik.

**N.RADIO (radio Net)** Untuk mengakses radio Internet melalui PC yang tersambung. Tekan GO untuk berbuat demikian. Sementara **N.RADIO** dipaparkan, dan runut dimainkan, anda boleh menekan ▲ atau ▼ untuk melangkau runut; ⏪ atau ⏩ untuk menukar senarai main yang lain, dan STOP dan GO untuk menjeda atau menyambung semula main balik.

**O**

**OPTION? (pemrograman opsyen)** Muncul apabila anda telah mengakses mod persediaan Boe4 (Tekan Standby dan LIST, dan kemudian tekan LIST berulang kali). Membolehkan anda memprogramkan persediaan sistem Bang & Olufsen. Tekan GO, kemudian LIST untuk memaparkan jenis pemrograman opsyen yang anda mahu lakukan:  
**V.OPT (opsyen video)**  
**A.OPT (audio option)**  
**L.OPT (opsyen hubungan)**  
 Apabila opsyen yang betul dipaparkan, masukkan nombor opsyen yang sesuai.

**P**

**PAGE (Pemilihan halaman Teleteks)** Untuk memilih halaman Teleteks pada TV Bang & Olufsen tertentu (yang biasanya GO TO perlu ditekan untuk akses). Masukkan nombor halaman yang anda mahu, atau tekan ▲ atau ▼  
**PC** Pilih **PC** supaya Beo4 dapat digunakan untuk melaras bunyi daripada Komputer Peribadi yang tersambung kepada sistem BeoLink Bang & Olufsen anda.  
**P-DVD2 (P-V.TP2\*) (perakam video gambar-dan-gambar 2)** Untuk menayangkan DVD2 (V.TAPE2\*) dalam gambar di sebelah kanan.

**PHONO\* (pemain piring hitam)** Untuk menghidupkan pemain piring hitam Bang & Olufsen. Tekan GO untuk berbuat demikian. Semasa PHONO dipaparkan, dan piring hitam dimainkan, anda boleh menekan ▲ atau ▼ untuk melangkau muzik; dan anda boleh menekan STOP dan GO untuk menjeda atau menyambung semula main balik.

**PICTURE** Untuk mengendalikan pelbagai fungsi yang berkaitan dengan butang PICTURE pada alat kawalan jauh Bang & Olufsen lain yang terbaru. Dalam sistem video yang lama, ia mungkin berkaitan dengan fungsi seperti dirian bermotor, gambar-dan-gambar, dan juga pelarasan gambar. **V.SETUP** mesti ditambah untuk membolehkan akses **PICTURE**.

**P-AND-P (gambar-dan-gambar)** Untuk mengendalikan fungsi gambar-dan-gambar pada TV Bang & Olufsen tertentu. Tekan, sebagai contoh, butang TV untuk memanggil TV sumber dalam gambar di sebelah kanan.

**P.MUTE (bisu gambar)** Menghidupkan dan mematikan gambar. Tekan LIST berulang kali untuk memilih P.MUTE dan tekan GO untuk menukar pengesetan. Tidak terdapat pada sesetengah televisyen.

**P-PC (PC gambar-dan-gambar)** Untuk menayangkan PC dalam gambar di sebelah kanan.

**P-V.AUX (V.AUX gambar-dan-gambar)** Untuk menayangkan sumber yang tersambung kepada soket V.AUX dalam gambar di sebelah kanan.

**P-V.AU2 (V.AUX2 gambar-dan-gambar)** Untuk menayangkan sumber yang didaftarkan sebagai V.AUX2 dalam gambar di sebelah kanan.

**P-V.TP2\* (perakam pita video gambar-dan-gambar 2)** Untuk menayangkan V.TAPE2\* dalam gambar di sebelah kanan.

**R**

**RADIO** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang RADIO Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada Radio Bang & Olufsen anda.

**RANDOM (main rawak)** Untuk menghidupkan fungsi main balik tertib rawak dalam pemain CD Bang & Olufsen yang terbaru. Dengan **RANDOM** dalam paparan, tekan GO untuk berbuat demikian.

**RECLOCK (Kunci Rakam)** Untuk kegunaan masa hadapan.

**RECORD2 (merakam A.MEM2/A.TAPE2\* atau DVD2/V.TAPE2\*)** Harus ditambah apabila anda menyambungkan perakam video kedua kepada sistem video anda. Mulakan rakaman pada perakam audio atau video Bang & Olufsen kedua. Tekan GO dua kali untuk memulakan rakaman.

**REMOVE?** Muncul apabila anda telah mengakses mod persediaan Boe4. Membolehkan anda mengalih keluar “butang” tambahan daripada paparan Beo4. Akses mod persediaan Beo4 dan panggil **REMOVE?**, tekan GO dan mula memaparkan “butang”. Tekan GO untuk mengalih keluar “butang” yang sedang dipaparkan.

**REPEAT (main berulang-ulang)** Untuk menghidupkan fungsi main berulang-ulang dalam pemain CD Bang & Olufsen yang terbaru. Dengan **REPEAT** dalam paparan, tekan GO untuk berbuat demikian.

**RESET** Untuk mengesetkan semula pelarasan gambar atau bunyi kepada aras prasetnya. Tekan GO untuk berbuat demikian.

**RETURN (pengembalian rakaman)** Untuk mengendalikan fungsi pengembalian rakaman dalam perakam pita audio or video yang tertentu. Untuk kembali ke kedudukan rakaman bermula, tekan GO.

**REVEAL (dedah Teleteks)** Untuk mendedahkan maklumat Teleteks yang tersembunyi dalam TV Bang & Olufsen. Tekan GO untuk berbuat demikian.

**S**

**SAT\* (Satelit)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang SAT\* Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan mengendalikan nombor program Satelit Bang & Olufsen anda.

**SELECT** Digunakan untuk memprogramkan urutan cakera padat bagi main balik pada BeoSound 9000.

**SETUP** Untuk pengesetan Kawalan Cahaya LC 2.

**SHIFT** Untuk mengendalikan fungsi tertentu yang berkaitan dengan pengendalian kotak set atas dalam bilik hubungan. Fungsi tertentu yang lain mungkin menghendaki **SHIFT** dipaparkan terlebih dahulu.

**SP.DEMO (demo pembesar suara)** Untuk membuat demonstrasi pembesar suara pada sistem yang berkenaan. Tekan GO untuk berbuat demikian.

**SOUND (bunyi/bahasa mono/stereo)** Untuk menukar jenis bunyi (mono/stereo/bahasa) yang sedang dimainkan pada program Radio, TV, atau TV digital; atau untuk menukar runut bunyi pada pita video. Tekan GO berulang kali untuk berbuat demikian.

**SPEAKER (pembesar suara)** Untuk memilih bilangan pembesar suara yang anda mahu – dalam persediaan bunyi keliling Bang & Olufsen. Tekan 1 – 5 untuk berbuat demikian. Sementara **SPEAKER** dipaparkan, menekan ▲, ▼, ⏪ atau ⏩ melaras imbangan pembesar suara.

**SRC.OPT (opsyen Sumber)** Untuk kegunaan masa hadapan.

**S.STORE (Simpan Bunyi)** Untuk menyimpan pengesetan pelarasan bunyi. **S.STORE** hanya tersedia jika **V.SETUP** atau **A.SETUP** telah ditambah.

**STAND** Untuk memusingkan sistem video Bang & Olufsen tertentu pada dirian bermotornya.

Tekan ◀ atau ▶ untuk berbuat demikian; atau masukkan kedudukan dirian praset.

**STORE** Untuk menyimpan pengesetan pelarasan program/gambar TV (lihat **V.SETUP**) dan halaman Teleteks kegemaran (halaman ingatan). Untuk menyimpan persediaan cahaya Bang & Olufsen (lihat **LIGHT**). Untuk berbuat demikian, tekan GO, masukkan nombor yang sesuai, dan kemudian tekan GO sekali lagi.

**SUBCODE (subkod Teleteks)** Untuk mengendalikan fungsi subhalaman Teleteks dalam TV Bang & Olufsen yang tertentu.

## T

**TEXT (Teleteks)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang TEXT Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan mengendalikan fungsi Teleteks (jika Teleteks boleh didapati) pada program TV yang anda sedang tonton.

**TRACK** Untuk memilih runut CD tersendiri pada BeoSound 9000.

**TRACKING (merunut)** Untuk pelarasan merunut segera bagi pita video yang anda sedang tonton.

**TREBLE** Untuk pelarasan bunyi bagi nada trebel dalam sistem Bang & Olufsen tertentu. **TREBLE** hanya tersedia jika **A.SETUP** or **V.SETUP** telah ditambah. Tekan ▲ atau ▼ untuk melaras sebagaimana yang dikehendaki. Rujuk **S.STORE (simpan bunyi)** jika anda mahu menyimpan pelarasan anda.

**TUNE (menala stesen)** Untuk menala ke stesen pada TV Bang & Olufsen tertentu. **TUNE** hanya tersedia jika **V.SETUP** telah ditambah.

**TURN** Untuk memusingkan pita dalam perakam pita audio Bang & Olufsen tertentu— untuk memainkan sisi sebelah lagi. Pada perakam pita video Bang & Olufsen tertentu **TURN** juga digunakan untuk pemilihan input bagi Kamkorder dalam mod jeda rakam. Tekan GO untuk berbuat demikian.

**TV** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang TV Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada TV Bang & Olufsen anda.

## U

**UPDATE (kemas kini Teleteks)** Untuk mengendalikan fungsi kemas kini Teleteks dalam TV Bang & Olufsen. Tekan GO untuk berbuat demikian. Ulangi pengendalian untuk melihat halaman setelah ia dikemas kini.

## V

**V.AUX (sumber video tambahan)** Untuk menghidupkan apa-apa kelengkapan video tambahan yang disambungkan kepada sistem video Bang & Olufsen anda. Tekan GO untuk berbuat demikian.

**V.AUX2 (sumber video tambahan kedua)** Untuk menghidupkan apa-apa kelengkapan video tambahan yang disambungkan kepada sistem video Bang & Olufsen anda.

**VIDEO?** Untuk memilih persediaan produk **Video** tertuju khas bagi Beo4. Persediaan produk

**VIDEO1**, **VIDEO2** dan **VIDEO3** boleh didapati.

**VIDEO1** Untuk memilih persediaan produk **Video** tertuju khas bagi Beo4. **VIDEO1** menyokong, sebagai contoh, BeoVision Avant, BeoVision 5, BeoVision skrin 3 – 32-inci, BeoCenter AV 5, BeoCenter AV 9000 dan model-model BeoVision MX yang lebih awal.

**VIDEO2** Untuk memilih persediaan produk **Video** tertuju khas bagi Beo4. **VIDEO2** menyokong, sebagai contoh, BeoVision 1, BeoVision MX 8000, BeoVision 1 Link dan BeoCenter 1.

**VIDEO3** Untuk memilih persediaan produk **Video** tertuju khas bagi Beo4. **VIDEO3** menyokong, sebagai contoh, produk video untuk pasaran Amerika dan Taiwan.

**V.MEM (V.TAPE\*) (perakam video)** Muncul dalam paparan apabila anda menekan butang VMEM (VTAPE\*) Beo4. Apa-apa pengendalian yang anda lakukan pada Beo4 akan disalurkan kepada perakam video Bang & Olufsen anda.

**V.OPT (opsyen video)** Untuk memprogram persediaan sistem bagi produk video. Rujuk **OPTION?** untuk maklumat lanjut.

**V.SETUP (persediaan video)** Memberi akses kepada senarai “butang” tambahan yang diperlukan untuk menyediakan produk video Bang & Olufsen tertentu:

**TUNE** Digunakan untuk menala ke stesen, rujuk **TUNE** untuk maklumat lanjut.

**PICTURE** Digunakan untuk pelarasan Gambar, rujuk **PICTURE** untuk maklumat lanjut.

**STORE** Untuk menyimpan pelarasan atau nilai praset, rujuk **STORE** untuk maklumat lanjut.

**CLEAR** (mengosongkan nombor program)

Untuk mengosongkan nombor program, rujuk **CLEAR** untuk maklumat lanjut.

**BASS** Pelarasan bunyi bagi nada bes, rujuk **BASS** untuk maklumat lanjut.

**TREBLE** Pelarasan bunyi bagi nada trebel, rujuk **TREBLE** untuk maklumat lanjut.

**LOUDNESS** (kelantangan) Pelarasan bunyi – Menghidupkan dan mematikan fungsi kelantangan, rujuk **LOUDNESS** untuk maklumat lanjut.

**S.STORE** (simpan bunyi) Untuk menyimpan pelarasan bunyi, rujuk **S.STORE** untuk maklumat lanjut.

**V.TAPE2\* (perakam pita video2)** Untuk menghidupkan perakam pita video kedua yang disambungkan kepada sistem video Bang & Olufsen anda. Tekan GO untuk berbuat demikian.

Spesifikasi teknis, ciri dan penggunaannya adalah tertakluk pada perubahan tanpa notis.